

## NOTIS PERLINDUNGAN PERIBADI

### A. Pengenalan

Chooi & Company + Cheang & Ariff ("**Firma**") adalah komited terhadap perlindungan Data Peribadi anda di dalam dan di luar Malaysia. Notis Perlindungan Data Peribadi ini ("Notis") menerangkan tentang pengumpulan, pemprosesan dan pendedahan Data Peribadi anda menurut Akta Perlindungan Peribadi 2010 ("**Akta**").

Dengan melawat laman web kami atau berinteraksi dengan kami atau dengan memberikan data peribadi kepada kami, anda dianggap sebagai telah membaca dan membenarkan kami menggunakan, mengumpul dan memproses data peribadi anda dalam cara yang diperihalkan dalam Notis ini.

Sila ambil perhatian bahawa Firma berhak untuk menukar, meminda dan/atau mengubah Notis ini pada bila-bila masa. Anda dinasihati untuk memeriksa Notis ini daripada laman web kami dari semasa ke semasa untuk pindaan atau apa-apa kemaskini. Dengan meneruskan komunikasi dengan Firma, anda mengakui bahawa anda telah menerima pindaan dan apa-apa kemaskini tersebut.

### B. Pengumpulan Data Peribadi

1. Firma akan mengumpul data peribadi anda apabila dan sepanjang urusan anda dengan Firma termasuk, tetapi tidak terhad kepada:-
  - i. Butir-butir peribadi anda, termasuk butir-butir berkaitan dengan orang lain yang mungkin dikenalpasti daripada data peribadi anda yang diberikan kepada kami, seperti nama, nombor kad pengenalan, umur, kewarganegaraan, nombor hubungan, alamat kediaman, alamat e-mel, tarikh lahir, jantina, pekerjaan, jawatan, butiran akaun bank dan maklumat pasangan / anak;

- ii. Sebarang data peribadi sensitif yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan kesihatan dan ubat-ubatan yang diambil oleh anda (dimana berkenaan);
- iii. Butir-butir mana-mana orang yang boleh dikenal pasti daripada data peribadi anda; dan/atau
- iv. Lain-lain maklumat dari mana anda boleh dikenalpasti.

(secara kolektifnya dirujuk sebagai "**Data Peribadi**")

2. Sebagai tambahan kepada Data Peribadi yang anda berikan kepada Firma secara langsung, Firma juga boleh mengumpul Data Peribadi anda dari pelbagai sumber lain, termasuk tanpa batasan pada sebarang acara yang dianjurkan oleh Firma dan / atau dari cookies yang digunakan di laman web Firma.
3. Jika anda telah memberikan data peribadi individu yang lain ("Pihak Ketiga"), anda mesti memastikan bahawa anda telah memaklumkan kepada Pihak Ketiga bahawa anda membekalkan data peribadi Pihak Ketiga kepada Firma dan telah mendapatkan kebenaran Pihak Ketiga tersebut.
4. Sila ambil perhatian bahawa adalah merupakan kewajipan kamu untuk memberikan Data Peribadi yang disebutkan di atas kepada Firma untuk membolehkan Firma memenuhi tujuan-tujuan sepertimana yang diperuntukkan dalam Perenggan 5.

### **C. Tujuan-tujuan**

5. Data Peribadi yang dikumpulkan oleh Firma boleh digunakan untuk, tetapi tidak terhad kepada tujuan-tujuan seperti berikut:-
  - i. Memberi perkhidmatan undang-undang kepada anda atau membalas sebarang pertanyaan oleh anda dan/atau wakil anda;
  - ii. Penyimpanan rekod dalaman Firma;
  - iii. Siasatan dalaman Firma;

- iv. Berkomunikasi dengan anda;
- v. Pencukaian dan/atau tujuan pengauditan;
- vi. Menjalankan acara dan program, aktiviti promosi pelanggan, pemasaran, promosi dan aktiviti profil pelanggan yang berkaitan dengan perkhidmatan kami;
- vii. Mengirim bahan seperti surat berita, artikel dan kemaskini lain;
- viii. Untuk menjalankan apa-apa fungsi atau obligasi yang dikenakan keatas mana-mana orang oleh undang-undang dan/atau untuk pentadbiran keadilan; dan/atau
- ix. Untuk apa-apa tujuan yang bersampingan dengan, sampingan kepada atau lanjutan kepada tujuan-tujuan yang disebutkan di atas.

(secara kolektifnya dirujuk sebagai "**Tujuan-tujuan**")

Sekiranya anda tidak membenarkan Firma memproses Data Peribadi anda atau Data Peribadi mana-mana orang yang mungkin dikenalpasti daripada Data Peribadi yang diberikan kepada Firma untuk sebarang Tujuan-tujuan yang disenaraikan dalam Notis ini, sila memaklumkan kepada Firma menggunakan butir-butir hubungan yang dinyatakan dalam Seksyen H di bawah.

#### **D. Pendedahan kepada Pihak-pihak Ketiga**

6. Jika dan apabila perlu, Data Peribadi kamu boleh didedahkan kepada pihak-pihak ketiga seperti berikut:
  - i. Penasihat-penasihat professional luaran, juruaudit-juruaudit, pembekal perkhidmatan & produk dan subkontraktor-subkontraktor;
  - ii. Jabatan-jabatan dan pihak-pihak berkuasa Kerajaan;
  - iii. Egen-egen atau syarikat-syarikat insurans;
  - iv. Bank-bank dan institusi-institusi kewangan;
  - v. Firma-firma guaman atau pemberi khidmat nasihat korporat atau khidmat usaha wajar (due diligence) yang berhubungan dengan usaha wajar yang akan dijalankan oleh Firma; dan/atau

- vi. Mana-mana rakan kongsi perniagaan, pelabur, pemegang serah hak atau penerima pindahan (sama ada yang sebenar atau bakal) bagi memudahkan Urus Niaga Aset Perniagaan\* (yang boleh merangkumi manaa-mana penggabungan, perbuatan memperoleh atau mana-mana hutang atau jualan aset) yang melibatkan Firma.

“Urus Niaga Aset Perniagaan” boleh merangkumi mana-mana pembelian, penjualan, pajakan, penggabungan atau penyatuan atau apa-apa perbuatan perolehan yang lain, pelupusan atau pembiayaan sesebuah organisasi atau sebahagian daripada organisasi atau mana-mana perniagaan atau aset organisasi.

#### **E. Keselamatan Data Peribadi**

7. Firma mempunyai server data utama (main data server) di Malaysia. Sekiranya Data Peribadi anda dipindahkan ke suatu tempat di luar Malaysia, Firma memastikan bahawa perlindungan kerahsiaan telah pun disediakan bagi memastikan hak anda kepada perlindungan data peribadi tidak terjejas. Dimana kami menganggap bahawa adalah perlu atau sesuai untuk tujuan-tujuan penyimpanan atau pemprosesan atau pemberian sebarang perkhidmatan atau penghantaran bagi pihak kami kepada anda, kami boleh memindahkan Data Peribadi kepada suatu penyedia perkhidmatan atau pembekal produk pihak ketiga di dalam atau di luar negara dimana kami ditubuhkan, di bawah syarat-syarat kerahsiaan dengan tahap perlindungan keselamatan yang serupa.

#### **F. Akses dan Pembetulan**

8. Data Peribadi tersebut mesti tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa dikemaskini. Sekiranya anda mendapat tahu tentang apa-apa Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan atau jika Data Peribadi yang diberikan kepada Firma tersebut sebelum ini telah menjadi tidak tepat, sila memberitahu Firma tersebut di butir-butir yang diperuntukkan dalam perenggan 11.

9. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang, anda berhak untuk membuat permintaan untuk mengakses dan membetulkan Data Peribadi anda. Walaubagaimanapun, permintaan tersebut adalah tertakhluk kepada keperluan-keperluan dalam Akta.

#### **G. Pengekalan Piawaian**

10. Mana-mana Data Peribadi tidak boleh disimpan lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi Tujuan-tujuan yang disebutkan dalam Notis ini. Firma mengakujaji untuk memastikan supaya semua Data Peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika ianya tidak lagi diperlukan untuk Tujuan-tujuan Data Peribadi itu diproses.

#### **H. Pertanyaan-pertanyaan**

11. Untuk semua pertanyaan, aduan atau permintaan, sila hubungi Tel No. 03-2055 3888 dan/atau Faks No. 03-2055 3880 dan membawa pertanyaan, aduan atau permintaan anda kepada perhatian kepada kedua-dua:

Yoon Ming Sun  
Rakan Kongsi  
[yoonmingsun@ccalaw.com](mailto:yoonmingsun@ccalaw.com)

Janet Chai  
Rakan Kongsi  
[janetchai@ccalaw.com](mailto:janetchai@ccalaw.com)